



13 JAN, 2024

Ketum kita berkualiti tinggi

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2



ISMAIL (tengah) menunjukkan daun ketum yang cuba diseludup ke Thailand di Padang Besar.

Ketum kita berkualiti tinggi

Padang Besar: Kualiti daun ketum yang bermutu tinggi di negara ini menyebabkan sindiket penyeludupan ketum Thailand beralih semula ke negara ini untuk mendapatkan bekalan berkenaan.

Ia selepas Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Perlis berjaya merampas sebanyak 676 kilogram (kg) daun ketum dalam dua kejadian berasingan di Kaki Bukit di sini, minggu lalu.

Pengarah JKDM Perlis Ismail Hashim berkata, rampasan dilakukan pihaknya pada 3 dan 4 Januari lalu di sebuah rumah tidak bernombor dan sebuah pondok kosong yang dipercayai dijadikan transit sebelum diseludup ke negara jiran menerusi 'laluan tikus' yang ada sekitar sempadan Malaysia-Thailand di sini.

"Dalam serbuan pertama pada 3 Januari lalu sekitar jam 1 tengah hari, kita melakukan pemeriksaan di parkir sebuah ru-

mah tidak bernombor di Jalan Kampung Melayu Pak Daud, Kampung Batu 15, Kaki Bukit.

"Hasil pemeriksaan berkenaan menjumpai 23 goni mengandungi daun hijau disyaki daun ketum yang dianggarkan seberat 476 kg bernilai RM4,760," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang media di Pejabat JKDM Padang Besar di sini, semalam.

Katanya, serbuan itu kemudiannya membawa kepada satu lagi rampasan daun ketum di sebuah pondok kosong di Jalan Kampung Wang Kelian pada jam 9.30 pagi keesokan harinya.

"Dalam serbuan kedua ini, kita menemui 10 plastik hitam mengandungi daun hijau disyaki ketum yang dianggarkan seberat 200 kg bernilai RM2,000.

"Kita percaya dalam kedua-dua kes ini, anggota sindiket dipercayai menggunakan kedua-dua premis itu sebagai lokasi tran-

sit yang terbiar untuk menyeludup daun ketum ke negara jiran.

"Kedua-dua kes ini juga dipercayai dilakukan oleh sindiket yang sama namun tiada tangkapan dilakukan dalam serbuan itu," katanya.

Ismail berkata, meskipun kesuraman serta kejatuhan harga daun ketum di negara ini, ia tetap terus mendapat permintaan di negara jiran.

"Daun ketum di negara ini juga dijadikan alternatif oleh sindiket penyeludupan dalam mengisi kekompongan permintaan daun ketum di negara jiran.

"Kita percaya, kelompok ini adalah disebabkan daun ketum di Thailand masih belum matang disebabkan mengalami proses penanaman semula di negara itu," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan pasaran semasa, sememangnya berlaku kejatuhan harga ketum di negara ini.



13 JAN, 2024

Ketum kita berkualiti tinggi

Harian Metro, Malaysia



SUMMARIES

ISMAIL (tengah) menunjukkan daun ketum yang cuba diseludup ke Thailand di Padang Besar.

Padang Besar: Ku a l i t i daun ketum yang bermutu tinggi di negara ini menyebabkan sindiket penyeludupan ketum Thailand beralih semula ke negara ini untuk mendapatkan bekalan berkenaan. Ia selepas Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Perlis berjaya merampas sebanyak 676 kilogram (kg) daun ketum dalam dua kejadian berasingan di Kaki Bukit di sini, minggu lalu.